

**UUM CORPORATE COMMUNICATION
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

**PEMAKLUMAN
BERKAITAN HAL PENTADBIRAN AKADEMIK
BAGI PERSEDIAAN PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
DAN PENTAKSIRAN SEMESTER PERTAMA SESI 2020/2021
BERIKUTAN PENULARAN WABAK COVID-19**

Berikutan penularan wabak COVID-19 yang masih belum reda, Universiti telah bersetuju supaya pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi Semester Pertama Sesi 2020/2021 (201) bagi pelajar Sarjana Muda dan pelajar pascasiswazah akan diteruskan secara atas talian atau kaedah *remote learning* yang lain.

Bagi memastikan PdP berjalan lancar sepanjang tempoh ini, Universiti telah membuat beberapa ketetapan seperti berikut:

1.0 Penyediaan Rancangan Pengajaran (*Scheme of Work*)

- 1.1 Pensyarah perlu menyediakan Rancangan Pengajaran selaras dengan kaedah PdP secara atas talian/kaedah *remote learning*.
- 1.2 Penyelaras Kursus disarankan untuk berbincang dengan pensyarah bagi kursus masing-masing (sekiranya terdapat lebih daripada satu kumpulan kursus) dan menyediakan hanya satu sahaja Rancangan Pengajaran yang bersesuaian untuk semua kaedah PdP dalam kursus tersebut mengikut kesediaan dan keupayaan pelajar.
- 1.3 Penyelaras Kursus dikehendaki untuk mendokumentasikan semua Rancangan Pengajaran (dalam format docx, pdf atau Excel) bagi Semester tersebut. Dokumen Rancangan Pengajaran yang telah disediakan hendaklah diserahkan kepada Dekan Pusat Pengajian masing-masing bagi tujuan audit kualiti akademik. Format Rancangan Pengajaran yang dicadangkan ialah seperti di **Lampiran A**.
- 1.4 Penyelaras Kursus tidak perlu membuat sebarang perubahan Rancangan Pengajaran mengenai kaedah PdP semester ini di dalam Sistem *Outcome Based Education (OBE)* UUM.

2.0 Pelan Pentaksiran

- 2.1 Penyelaras Kursus perlu menyediakan Pelan Pentaksiran bagi Semester 201 bagi pelajar sarjana muda dan pelajar pascasiswazah [yang dikendalikan dengan mengambilkira kesediaan dan keupayaan semua pelajar untuk melaksanakan pentaksiran berdasarkan kesahan, kebolehpercayaan dan kewajaran (*validity, reliability and fairness*)].
- 2.2 Penyelaras Kursus perlu memastikan semua Pelan Pentaksiran hendaklah sejajar dengan Hasil Pembelajaran Program, kaedah PdP dan jam pembelajaran pelajar (SLT).
- 2.3 Penyelaras Kursus dikehendaki untuk mendokumentasikan Pelan Pentaksiran tersebut (dalam format docx, pdf atau Excel) dan menyerahkan dokumen tersebut kepada Dekan Pusat Pengajian masing-masing bagi tujuan audit kualiti akademik. Format Pelan Pentaksiran yang dicadangkan ialah seperti di **Lampiran B**.
- 2.4 Penyelaras Kursus tidak perlu membuat sebarang perubahan Pelan Pentaksiran bagi semester ini di dalam Sistem *Outcome Based Education (OBE)* UUM.
- 2.5 Pensyarah akan memasukkan markah pentaksiran pelajar bagi Semester 201 bagi pelajar sarjana muda dan pelajar pascasiswazah melalui Sistem Portal UUM. Kemasukan markah pelajar melalui Sistem OBE bagi semester tersebut ditangguhkan sehinggalah dimaklumkan oleh pihak universiti.

3.0 Kehadiran

- 3.1 Pensyarah disarankan untuk menggunakan kaedah masing-masing untuk mendapatkan kehadiran pelajar dalam PdP dan memastikan rekod kehadiran pelajar bagi kelas masing-masing disimpan untuk tujuan audit kualiti akademik.
- 3.2 Halangan menduduki peperiksaan bagi pelajar yang tidak memenuhi 80% kehadiran ke kuliah tidak dilaksanakan pada Semester 201 bagi pelajar sarjana muda dan pelajar pascasiswazah.

4.0 Penilaian Kursus (e-CEvaS)

- 4.1 Penilaian kursus (e-CEvaS) akan dilaksanakan untuk semua kursus dalam Semester 201 bagi pelajar sarjana muda dan pelajar pascasiswazah menggunakan instrumen yang akan diubahsuai bersesuaian dengan situasi PdP secara atas talian/kaedah *remote learning*.

5.0 Hal-hal Lain

- 5.1 Bagi kursus yang mempunyai peperiksaan akhir, peraturan yang menetapkan kursus yang melebihi dari lima kumpulan perlu menyediakan dua set soalan adalah kekal.
- 5.2 Pusat Pengajian perlu memastikan bahawa bagi kes sebegini, sistem *e-assessment* di dalam sistem UUM Online Learning perlu digunakan di mana soalan akan diedarkan oleh Penyelaras Program kepada semua pelajar bagi kursus tersebut.
- 5.3 Peraturan sedia ada dari aspek gugur tambah kursus, penangguhan pengajian, tarik diri kursus dan lain-lain peraturan akademik adalah kekal.

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, sila hubungi **Pn. Azian Nafiah**, Pengarah, Jabatan Hal Ehwal Akademik di talian **019-474 0177** atau **04-928 3302** atau emel **aziann@uum.edu.my**.

PROF. DR. YUSNIDAH IBRAHIM
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Utara Malaysia

30 September 2020